

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Selamat Sejahtera dan Salam 1Malaysia

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri – Menteri, Ketua Setiausaha Negara, seterusnya semua penjawat – penjawat awam di Jabatan Perdana Menteri.

Alhamdulillah, dengan limpah rahmat Allah SWT kita dapat berhimpun di pagi ini untuk mengadakan perhimpunan bulanan yang pertama bagi tahun 2014. Saya ingin mengucapkan Selamat Tahun Baru khususnya kepada semua penjawat – penjawat awam dan berharap bahawa kita dapat menambahkan lagi azam dan tekad kita untuk menjadikan tahun 2014 ini lebih berjaya daripada tahun – tahun sebelum ini.

Tuan – tuan dan puan – puan sekalian,

Jika kita melihat pada senario dunia terutama sekali dalam konteks andaian dalam tahun 2014. Kita dapat lihat bahawa kawasan – kawasan tertentu menghadapi masalah ekonomi yang agak kritikal. Misalnya kawasan ‘Euro Zone’ walaupun krisisnya mungkin sudah berlalu tetapi negara – negara yang dalam ‘Euro Zone’ akan melalui dekad yang mana pertumbuhan ekonomi mereka akan berlaku pada tahap yang sangat rendah. Malah ada yang menyifatkan dekad akan datang ini bagi Eropah ‘As A Lost Decade’.

Negara Jepun 20 tahun mereka mengalami ekonomi yang disifatkan sebagai 'Snake Netting'. Sehingga Perdana Menteri baru Shinzo Abe dengan 'Abenomics'nya melaksanakan program 'Reform' berdasarkan pada prinsip tiga 'Arrow' ada tanda – tanda ekonomi Jepun akan pulih. Hatta, negara China sekalipun yang kita anggap sebagai 'The Engine of Growth' untuk global ekonomi, tidak mungkin dapat mencapai 9, 10 peratus pertumbuhan setahun melainkan negara China sanggup melakukan perubahan ataupun 'reform' yang menyeluruh dalam sistem ekonomi mereka.

Negara – negara BRIC disebutkan, Brazil, 'Russian', India, China ataupun 'Emerging Economies' juga menghadapi cabaran – cabaran yang agak serius. Jika kita melihat senario ini, apa sebenarnya faktor yang terbesar sekali? Pada hemat saya, banyak negara yang sanggup melakukan 'reform' kepada ekonomi mereka. 'Reform' kalau sebut dalam ertikata 'structure reform', 'reform' dari segi dasar yang lebih tepat, yang dikemaskinikan dari masa ke semasa, negara itulah yang akan dapat melihat kepada ekonomi mereka yang tumbuh secara mampan. Kalau ini merupakan keadaan yang dihadapi oleh seluruh dunia tentu sekali Malaysia tidak ada kelainannya. Kalau kita tidak sanggup melakukan 'reform' dan perubahan 'structure reform', 'strategic reform' kita akan mengalami keadaan di mana ekonomi Malaysia akan tumbuh perlahan dan kita tak mungkin dapat mencapai kadar pertumbuhan 5 atau 6 peratus, yakni yang dihasratkan oleh kita.

Inilah opsyen yang ada pada kita. Kita mesti sedar bahawa ini adalah satu keadaan yang dihadapi oleh semua negara sebab persekitaran

ekonominya berubah. Bagi sebuah negara yang ingin menentukan daya saing kita, kita perlu membuat perubahan, dan perubahan ini telahpun kita gariskan dalam Agenda dan Dasar Transformasi Negara. Sebab itu dalam tahun 2014 ini dan tahun – tahun yang akan datang kita mesti meneruskan Dasar Transformasi Negara kita sebab matlamat utama kita ialah untuk mencapai status negara maju dalam tempoh masa yang semakin pendek. Kita tidak mampu untuk lari dari landasan ini dan perubahan ini perlu kita lakukan mengambil kira juga pandangan dan hasrat kita supaya tidak melaksanakan sesuatu yang membebankan rakyat, apa juga dasar kita untuk umpamanya melakukan Rasionalisasi Subsidi bukan bererti bahawa kita menghapuskan subsidi secara mengejut. Tidak ada negara di dunia di mana peruntukan pembangunan sebanyak 49 Billion, subsidi dan insentif 42 Billion. Keadaan ini dalam satu segi mencerminkan kerajaan memang prihatin kepada beban rakyat tetapi keadaan seperti ini tak boleh kita teruskan sebab tidak 'sustainable' cuma cara kita mengurangkan beban seperti ini atau mengurangkan subsidi ini mestilah secara berperingkat – peringkat.

Dan mana yang boleh kita lakukan untuk menolong pelbagai golongan seperti mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana rendah, penjawat – penjawat awam, kita perlu lakukan dan kita mesti lakukan. Saya yakin dan percaya kalau ekonomi kita lebih kukuh dan hasil negara lebih mantap lagi, maka projek pembangunan boleh kita tambah, kemudahan dan segala – gala kebajikan untuk penjawat – penjawat awam dan pelbagai golongan lain boleh dipertimbangkan dari masa ke semasa. Tetapi ini semua mestilah berasaskan kepada sebuah ekonomi yang semakin kukuh dan semakin mantap lagi. Inilah yang saya nak jelaskan pendekatan yang perlu kita akan lakukan untuk tahun 2014.

Apa – apa yang telah kita sebutkan termasuk juga Aku Janji kita semasa pilihanraya, hasrat kita untuk menentukan peningkatan kesejahteraan rakyat, ekonomi Negara yang tumbuh 5 peratus ataupun lebih setahun dan perubahan – perubahan yang bersifat strategik umpamanya pembangunan ‘Human Capital’, Modal Insan kita yang merupakan salah satu faktor yang amat penting kalau kita nak mencapai status Negara maju.

Tahun 2014 ini merupakan tahun di mana InsyaALLAH kita akan laksanakan berdasarkan kepada ketetapan – ketetapan yang telah kita buat. Dalam pada itu, sebagai sebuah negara kita ini mempunyai banyak keunikan. Tentu sekali perkara yang kita selalu sebut ‘Multi Culturalism’, ‘Multi Religious Society’, dan ‘Multi Network Society’ kita ini kekal dalam keadaan yang aman dan harmoni. Keadaan ini perlu kita beri perhatian supaya tidak ada isu yang berbangkit dari masa ke semasa yang mana ia memunggha keadaan yang selama ini kita telah kecapai, yang selama ini Malaysia telahpun terkenal di seluruh dunia. Bila saya jumpa dengan pemimpin – pemimpin luar negara, mereka berbangga malah mereka melihat satu yang agak menghairankan bagaimana Malaysia boleh mengekalkan keadaan seperti ini. Meskipun kita menghadapi keadaan kepelbagaian yang begitu kompleks.

Jadi, bila ada sesuatu isu yang berbangkit kita harus tangannya, bukan dengan perasaan dan emosi tetapi dengan kematangan dan ketenangan. Berdasarkan pada penyelesaian yakni berasaskan kepada ‘Rule of Law’ dan ‘Dialog Engagement’ dengan semua pihak. Bila kita boleh duduk semeja cari penyelesaian, berbincang untuk mencari

penyelesaian, saya percaya kita dapat mengurangkan sebarang ketegangan yang boleh timbul atas apa – apa isu yang boleh berbangkit dari masa ke semasa. Tiada gunanya kita berbangga dengan kejayaan kita tetapi salah satu daripada tiang seri negara kita ini, kita biarkan hancur lebur. Maknanya segala – gala yang telah kita bina selama ini tidak membawa erti sama sekali.

Saya berharap tahun 2014 ini kita teruskan kejayaan kita, usaha kita. Di samping itu, kita jaga apa yang telah kita kecapai, apa yang telah kita warisi selama ini sebagai satu yang kita letakkan nilai yang cukup tinggi kepadanya. Selamat menjalankan tugas, dan InsyaALLAH kita akan terus jadikan negara Malaysia ini lebih berjaya lagi.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.